

**SYARAT-SYARAT CUTI BELAJAR PROGRAM FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

JENIS CUTI BELAJAR	KRITERIA & SYARAT PROGRAM FARMASI				
	1. Tempoh Perkhidmatan	2. Pegawai yang sedang dalam pengajian CBBP tanpa HLP	3. Tempat Pengajian		4. Tempoh Pelanjutan Cuti Belajar
CBBP & HLP	<p><u>Sarjana:</u> GENAP 5 tahun dari tarikh lantikan sehingga tarikh tutup permohonan</p> <p><u>Ph.D:</u> GENAP 8 tahun dari tarikh lantikan sehingga tarikh tutup permohonan</p>	-	<p>IPTA sahaja (dalam negara)</p> <p>IPT (luar negara)</p>	<p>Bagi kursus berkaitan dengan Farmasi Klinikal hanya IPT yang menawarkan Ijazah Pertama dalam Farmasi layak dipertimbangkan</p>	<p>Tempoh pelanjutan: i. Sarjana: Maks. 3 bulan ii. PhD: Maks. 6 bulan.</p>
CBBP TANPA HLP		<p>TIDAK LAYAK untuk memohon HLP</p>	<p>IPTA/IPTS (dalam negara)</p>		
CBTG			<p>IPT (luar negara)</p>		

KRITERIA & SYARAT PROGRAM FARMASI		
JENIS CUTI BELAJAR	5. Jenis kursus bagi permohonan Cuti Belajar	6. Dokumen sokongan yang perlu dikemukakan
CBBP & HLP	<ul style="list-style-type: none"> Hanya kursus yang tersenarai yang telah ditetapkan oleh Program Farmasi sahaja layak dipertimbangkan. Pegawai yang memohon mengikuti pengajian di peringkat PhD perlu memiliki kelayakan sarjana dalam bidang yang berkaitan dengan Farmasi atau bidang tugas Farmasi. (contoh: <i>Master in Business Administration</i> (MBA) tidak layak) Bidang yang dipohon adalah berkaitan dan bersesuaian dengan tugas serta penempatan terkini Pegawai. Walau bagaimanapun, pertimbangan boleh diberikan dalam kes-kes yang tertentu. <p>* <u>Bagi CBBP Tanpa HLP / CBTG (termasuk tajaan selain HLP):</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Bagi CBBP Tanpa HLP (Dengan Tajaan) & CBTG (Dengan Tajaan) – permohonan adalah dibuka sepanjang tahun 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan perlu disertakan dengan dokumen berikut: <ol style="list-style-type: none"> Pelan Tindakan Selepas Tamat Pengajian (PTSTP) Surat Aku Janji Cuti Belajar Program Farmasi yang telah ditandatangani Bagi kursus dengan mod kerja kursus (<i>coursework</i>): <ol style="list-style-type: none"> Rangka kursus (mod <i>coursework</i>) Bagi kursus dengan mod penyelidikan: <ol style="list-style-type: none"> Surat persetujuan daripada penyelia IPT bagi cadangan topik penyelidikan Cadangan Kajian penyelidikan Syarat kemasukan ke universiti yang dipohon Salinan <u>transkrip ijazah sarjana muda/sarjana</u> <u>Surat tawaran universiti (bagi permohonan dengan tajaan luar selain HLP)</u> Surat tawaran biasiswa /tajaan (selain HLP)
CBBP TANPA HLP		
CBTG		

JENIS CUTI BELAJAR	KRITERIA & SYARAT PROGRAM FARMASI		
	7. Penangguhan Sebelum atau Semasa Tempoh Cuti Belajar	8. Pertukaran kursus	9. Rayuan Pelanjutan Pengajian Selepas Pelanjutan Diluluskan Kali Pertama
CBBP & HLP	Penangguhan adalah TIDAK DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN
CBBP TANPA HLP			
CBTG			

Arahan:

1. Calon-calun adalah diingatkan supaya mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPA dan Program Farmasi (Syarat-Syarat JPA adalah seperti di lampiran)
2. Kesilapan mengisi borang permohonan dan borang permohonan yang tidak lengkap akan mengakibatkan permohonan cuti belajar ditolak.
3. Pegawai yang dipertimbangkan untuk memohon cuti belajar perlu mengambil kira kepentingan perkhidmatan di fasiliti masing-masing dan hala tuju Program Farmasi.
4. Permohonan cuti belajar yang diperakukan oleh Ketua Jabatan perlu menepati semua syarat-syarat di atas yang melayakkan pegawai memohon cuti belajar.
5. Permohonan [Cuti Kursus Sambilan (CKS)] perlu dimaklumkan kepada Program Farmasi (salinan kelulusan CKS oleh Ketua Jabatan perlu dikemukakan kepada Program Farmasi).